

## **PERTANDINGAN REKABENTUK POSTER (DIGITAL)**

**Tema : Kempen Kesedaran Keselamatan Siber**

### **Syarat-syarat Penyertaan**

- Pertandingan ini adalah terbuka kepada pelajar **Universiti Teknologi MARA (UiTM) Sahaja** dan masih berstatus aktif. Pelajar yang dimaksudkan adalah yang masih belum bergraduasi atau tamat pengajian semasa tempoh pertandingan berlangsung.
- Tema poster adalah “**Kempen Kesedaran Keselamatan Siber**”. Poster perlu dihasilkan selari dengan tema yang telah ditentukan.
- Kriteria rekabentuk poster:
  - i. Hasil (*output*) rekabentuk poster dalam bentuk **digital**.
  - ii. Saiz/Ukuran hasil adalah **A3** dengan resolusi **300 dpi**.
  - iii. **Format** penghantaran adalah dalam bentuk **PDF/ JPEG / PNG**.
  - iv. Setiap penyertaan perlu melampirkan teks huraian rekabentuk (tidak lebih dari 300 patah perkataan) bersaiz A4 format PDF yang memberikan penerangan mengenai konsep rekabentuk.
  - v. Setiap peserta wajib untuk mengemukakan bersama **Borang Perakuan** dan dimuat naik bersama rekabentuk.
- Setiap peserta hanya dibenarkan menghantar satu (1) penyertaan sahaja.
- Peserta perlu menyimpan “*raw file*” rekabentuk bagi tujuan pengesahan sekiranya dipilih sebagai pemenang.
- Poster yang dihasilkan perlulah bebas daripada unsur politik, perkauman dan sebarang isu yang menyentuh sensitiviti rakyat Malaysia.
- Idea dan rekaan poster haruslah ciptaan sendiri dan asli.
- Setiap penyertaan yang diterima tidak akan dikembalikan dan akan menjadi hak pihak Penganjur. Pihak Penganjur juga mempunyai hak untuk menggunakan poster yang diterima di mana-mana *platform*.
- Pihak Penganjur juga berhak untuk mengubahsuai poster yang dihasilkan daripada mana-mana peserta mengikut kesesuaian Penganjur.
- Semua penyertaan tidak akan dikembalikan.

### **Syarat-syarat Tambahan**

- Para pemenang perlu **membuka Akaun Simpanan atau Semasa MBSB Bank** untuk tujuan pengkreditan wang hadiah.
- Tempoh penyertaan bermula **28 September 2023 sehingga 24 September 2023**.
- Penyertaan perlu dihantar kepada pihak Urusetia **sebelum atau pada 24 September 2023 sebelum jam 5.00 petang (GMT+8)**.
- Penghantaran penyertaan perlulah melalui capaian (*link*) “Google Form” yang disediakan: <https://forms.gle/XiSqTm6rhqw62mA17>
- Panel hakim terdiri daripada dua (2) wakil pihak penganjur utama (MBSB Bank Berhad), dua (2) wakil penganjur bersama (Universiti Teknologi MARA) dan (1) panel hakim jemputan.
- Keputusan panel hakim adalah MUKTAMAD.
- Pihak penganjur berhak untuk menggugurkan penyertaan atau menarik balik hadiah yang dimenangi sekiranya hasil poster tersebut didapati tidak asli dan terdapat elemen plagiat.
- Sebarang maklumat lanjut boleh berhubung dengan pihak urusetia yang dilantik oleh UiTM iaitu:
  1. En. Muhammad Abd Hadi  
T : +60127913154  
E : [hadi056@uitm.edu.my](mailto:hadi056@uitm.edu.my)
  2. En. Ahmad Zuhairi  
T : +60172692442  
E : [ahmadzuhairi@uitm.edu.my](mailto:ahmadzuhairi@uitm.edu.my)

**BORANG PERAKUAN**

**PERTANDINGAN REKABENTUK POSTER (DIGITAL)**

**PERAKUAN:**

Saya telah membaca dan memahami brief pertandingan dan syarat-syarat penyertaan serta penyerahan dan dengan ini bersetuju untuk mematuhi syarat-syarat tersebut.

Saya memperakui bahawa hasil karya/seni rekabentuk ini adalah hasil saya sendiri (asli) dan sekiranya terdapat unsur-unsur plagiat dan penipuan di dalam penghasilan karya/hasil seni rekabentuk ini, maka pihak Pengangsur boleh mengambil tindakan yang sewajarnya selaras dengan syarat-syarat pertandingan.

Yang benar,

.....

Nama Penuh:

No. Kad Pengenalan:

No. Pelajar UiTM:

Kursus:

Cawangan UiTM:

No. Telefon:

Emel: